

# 'Saya belum terima laporan kejadian tembak di Kelang'

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau belum menerima laporan mengenai kejadian melepaskan tembakan oleh Setiausaha Perhubungan Umno Selangor, Encik Onn Ismail di mesyuarat agung Pergerakan Pe-

muda Umno Pelabuhan Kelang minggu lalu.

Ketika ditanya oleh pemberita mengenai pandangannya tentang kejadian itu dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, "saya me-

merlukan satu laporan sebelum memutuskan tindakan yang hendak diambil."

Di samping itu, katanya, laporan telah dibuat kepada polis dan terpulanglah kepada pihak polis untuk mengambil tindakan.

Beliau juga berkata, ada banyak jenis kejadian menembak. "Keja-

dian menembak di Lebanon tidak sama dengan kejadian di Pelabuhan Kelang," ujarnya disambut dengan gelak ketawa ahli-ahli Majlis Tertinggi BN.

Menjawab satu soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak menerima sebarang laporan tentang kejadian

menurunkan bendera Malaysia dan gambar-gambar pemimpin negara di Johor, seperti dilaporkan oleh akhbar-akhbar.

Katanya, beliau ada mendengar tentang peristiwa itu tetapi tidak menerima sebarang laporan, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi.